

Mesin pengimbas tingkat rawatan

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) melangkah setapak dalam dunia perubatan apabila memiliki mesin pengimbas tomografi berkomputer (CT Scan) berteknologi tinggi.

Dekan Fakulti Perubatannya, **Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy**, mesin berteknologi tomografi berkomputer itu diberi nama *Aquilion One* dan *Aquilion Prime*.

Aquilion One memiliki 640 potongan rakaman dan *Aquilion Prime* memiliki 160 potongan rakaman yang bakal memberikan impak yang tinggi dalam merawat pesakit.

"Teknologi tomografi berkomputer amat penting terutama bagi mengdiagnos pesakit menerusi pemeriksaan tomografi jantung (*CT Cardiac*) dan pemeriksaan tomografi kepala (*CT Brain Perfusion*) bagi kes strok," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis perasmian kedua-dua mesin tersebut dan majlis mendatangi memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Toshiba Medical System Malaysia Sdn Bhd, di sini. pengenalan mesin tersebut di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Urusan Toshiba Medical System Malaysia Sdn. Bhd., Tan Tuan Shee dan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Dr. Ibrahim Saad.

Penyakit salur darah jantung merupakan pembunuh utama di negara ini dan dicatatkan sebanyak 22,701 kematian telah direkodkan.

Pada tahun lepas sahaja sebanyak 40,000 pesakit dicatatkan mengalami penyakit

tersebut.

Tisu-tisu otak yang tidak menerima bekalan oksigen dari darah tersebut akan mati dan mengakibatkan kebolehpayaan untuk pengawalan sistem badan manusia seperti daya ingatan dan kawalan otot akan hilang.

Keupayaan mesin serba canggih ini untuk menjalankan pemeriksaan CT Brain Perfusion dengan pantas akan dapat memberikan pakar perubatan keputusan yang segera bagi merawat pesakit dengan cepat dan akan dapat mengurangkan kematian sel-sel otak.

Teknologi terkini itu juga dapat mengurangkan dos radiasi yang diterima oleh pesakit ketika proses pengimbasan dilakukan ke tahap yang paling minimum tanpa menjejaskan kualiti imej imbasan.

Selain itu, dengan adanya mesin CT scan yang canggih ia dapat memberi peluang kepada penyelidik UKM khususnya untuk membuat kajian berimpak tinggi sekali gus menaikkan nama PPUKM sebagai institusi perubatan terulung.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat, UKM, **Prof. Datuk Dr. Imran Ho Abdullah**, biarpun pihaknya melabur dalam jumlah yang mencecah jutaan ringgit namun ia dilihat amat berbaloi.

"Selain membeli mesin pengimbas berteknologi tinggi untuk kegunaan dan keperluan PPUKM, kita juga bekerjasama dengan syarikat pengeluar mesin ini iaitu Toshiba dalam melatih petugas perubatan di sini.



IBRAHIM SAAD (kanan) tertarik dengan mesin CT Scan yang dimiliki UKM.